

SOALAN NO. 140

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

[PASIR GUDANG]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Kuala Kangsar] minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan jumlah TASKA yang berdaftar dengan pihak Kementerian dan

tidak berdaftar serta langkah-langkah pemantauan dan tindakan yang

diambil oleh pihak Kementerian bagi membanteras TASKA yang tidak

berdaftar ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Jumlah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang telah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga April 2015 ialah sebanyak **3,832 buah** dan jumlah TASKA yang dikesan masih tidak berdaftar hingga Mac 2015 adalah sebanyak **578 buah**.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa serius dalam usaha mengambil langkah-langkah pemantauan bagi menangani isu TASKA. Bagi membanteras TASKA yang melanggar Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012, Pegawai Diberi Kuasa yang telah diwartakan melalui akta akan menjalankan operasi memantau, memeriksa dan menyiasat TASKA di kawasan tempat bertugas masing-masing di peringkat daerah dan negeri. Jika TASKA berkenaan tidak mematuhi Akta dan peraturan yang berkaitan, maka tindakan pengkompaunan tidak melebihi RM5,000.00 bagi setiap kesalahan boleh dikenakan ke atas TASKA berkenaan atau TASKA tidak berdaftar tersebut boleh dilak. Bagi

TASKA yang berdaftar, TASKA itu boleh dikompaun, ditutup atau perakuan pendaftarannya dibatalkan.

Sekiranya pengusaha TASKA masih gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan setelah diberi bimbingan dan nasihat, tindakan pendakwaan boleh diambil. Jika sabit kesalahan, pengusaha TASKA boleh:

- (a) didenda tidak lebih RM10,000 atau di penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali; dan
- (b) bagi kesalahan kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak lebih RM20,000 atau di penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keterbukaan Kerajaan untuk menambahkan pengambilan penjawat awam bukan bumiputera bagi mencerminkan komposisi etnik di negara kita.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya terbuka dan telus dalam proses pengambilan penjawat awam. Pada masa ini, proses pemilihan ke dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) tidak meletakkan sebarang kuota sesuatu kaum tertentu dalam pelantikan penjawat awam. SPA juga tidak menggunakan faktor kaum sebagai asas tapisan untuk calon dipanggil temu duga. Calon-calon yang dipanggil temu duga terdiri daripada mereka yang telah melepassi proses penyenaraian pendek berdasarkan syarat skim perkhidmatan yang turut mengambil kira keperluan kementerian/jabatan/agensi termasuk jantina, bidang

pengajian, CGPA, lokaliti, kekosongan dan syarat-syarat tambahan lain iaitu lulus ujian fizikal dan pemeriksaan *Body Mass Index* (BMI) bagi jawatan-jawatan beruniform dan penguatkuasaan tertentu seperti Pegawai Penjara, Pegawai Bomba dan Penguatkuasa.

Jumlah permohonan yang rendah dan minat daripada kaum bukan Bumiputera bagi memasuki perkhidmatan awam dikenalpasti menjadi antara punca kepada bilangan mereka yang rendah dalam perkhidmatan awam. Pada tahun 2014, daripada 1,605,245 permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam yang diterima oleh SPA, sebanyak 1,265,543 (78.84%) permohonan adalah daripada kaum Melayu, 33,009 (2.06%) kaum Cina, 59,355 (3.7%) kaum India, 123,374 (7.7%) Bumiputera Sabah, 90,857 (5.7%) Bumiputera Sarawak dan 3,124 (0.2%) Orang Asli Semenanjung.

Sungguhpun demikian, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum bukan Bumiputera untuk berkhidmat dalam sektor awam. Antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya, antaranya adalah seperti berikut:

- i. mempergiatkan sesi *engagement* dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cina dan India;
- ii. memperbanyakkan kerjasama dengan media Cina dan India untuk mempromosikan peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam di kalangan masyarakat Cina dan India;
- iii. melantik pegawai-pegawai di kalangan kaum Cina dan India untuk bertugas di kaunter-kaunter khidmat pelanggan;

- iv. mengadakan taklimat kerjaya khusus kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta;
- v. mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat di kawasan bandar/pedalaman untuk menarik calon-calon bukan Bumiputera menyertai perkhidmatan awam;
- vi. menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam Portal SPA; dan
- vii. mewujudkan Jawatankuasa Khas mengkaji penyertaan kaum Melayu, Cina, India, Dayak, Siam, Kadazan Dusun dan kaum-kaum lain.

Sekian, terima kasih.